	2	Menjelaskan konsep ibadat dari aspek ibadat khusus dan ibadat umum	63		
	3	Menjelaskan konsep ibadat dari aspek maksud hukum-hukum berserta contoh	64		
	4	Menghuraikan hubungkait hukum dengan amalan harian berserta hikmah	64		
	6	Menjelaskan konsep ibadat dari aspek ibadat khusus dan ibadat umum	64		
Tahap Penguasaan Pelajaran 17 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
18 Bersuci Asas Kebersihan	1	Menyatakan maksud, hukum dan dalil naqli bersuci (taharah)	67		
	2	Menyatakan bahan-bahan bersuci	67		
	3	Menerangkan jenis-jenis air berserta contohnya	68		
	4	Menerangkan perbezaan antara suci dan bersih menurut Islam	68		
	5	Menerangkan kepentingan bersuci terhadap diri dan persekitaran	69		
	6	Menerangkan jenis-jenis air berserta contohnya	69		
Tahap Penguasaan Pelajaran 18 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
19 Suci daripada Najis	1	Menyatakan maksud najis mukhaffafah, mutawassitah dan mughallazah	72		
	3	Menerangkan cara menyuci setiap najis	72		
	4	Menerangkan cara menyamak kulit binatang	73		
	6	Menyatakan maksud najis mukhaffafah, mutawassitah dan mughallazah	73		
Tahap Penguasaan Pelajaran 19 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					

PELAJARAN	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
20 Istinjak Suatu Tuntutan	1	Menyatakan maksud dan hukum istinjak	76		
	2	Menyatakan alat-alat istinjak	76		
	3	- Menyatakan alat-alat istinjak - Menjelaskan kepentingan beristinjak - Menerangkan cara beristinjak dengan alat-alat istinjak	76, 77		
	4	Menerangkan adab-adab qadak hajat	77		
	6	Melakukan tunjuk cara beristinjak dengan alat-alat istinjak dengan betul	77		
Tahap Penguasaan Pelajaran 20 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
21 Wuduk dan Syarat Kesempurnaannya	1	Menyatakan maksud dan hukum wuduk	80		
	2	Menyatakan rukun-rukun wuduk	80		
	3	- Menjelaskan perkara-perkara yang membatalkan wuduk - Menjelaskan kelebihan wuduk dari sudut sains	80, 81		
	4	Menyenaraikan perkara-perkara sunat dan perkara-perkara makruh ketika berwuduk	81		
	5	Menerangkan hikmah berwuduk	81		
	6	Menyenaraikan perkara-perkara sunat dan perkara-perkara makruh ketika berwuduk	81		
Tahap Penguasaan Pelajaran 21 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
22 Mandi Wajib Penyuci Diri	1	Menyatakan maksud dan dalil naqli mandi wajib	84		
	2	- Menjelaskan perkara-perkara yang mewajibkan mandi - Menyatakan perkara-perkara yang dilarang semasa berhadass besar	84, 85		
	3	Menerangkan rukun mandi wajib	85		
	4	Menunjukkan cara mandi wajib yang betul	85		
	5	Menerangkan hikmah mandi wajib	86		
	6	- Mengamalkan mandi wajib yang sempurna dan melazimi mandi sunat secara beradab dan istiqamah - Menjelaskan perkara-perkara yang mewajibkan mandi	86		
Tahap Penguasaan Pelajaran 22 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
23 Solat Mercu Kejayaan	1	Menyatakan maksud solat dan dalil naqli berkaitan kewajipan solat fardu	89		
	2	- Menyenaraikan perkara-perkara yang membatalkan solat - Menjelaskan akibat meninggalkan solat fardu berserta dalil naqli	89, 91		
	3	- Menjelaskan syarat-syarat wajib solat dan syarat-syarat sah solat - Menerangkan perbezaan sunat ab'adh dan sunat haiah	89, 90		
	4	- Menerangkan hikmah solat - Menjelaskan kelebihan solat dari sudut sains dan rukun solat	90, 91		
	5	Menjelaskan maksud khushyuk dalam solat	92		
	6	- Menjelaskan kepentingan serta peranan hati, akal dan anggota untuk khushyuk dalam solat - Menyatakan perkara-perkara yang membatalkan solat	92		
Tahap Penguasaan Pelajaran 23 TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					

PELAJARAN	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM					
24 Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW	1	Menyatakan riwayat hidup Nabi Muhammad SAW	97		
	2	Menjelaskan peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW sebelum dan selepas kerasulan	97		
	3	Menerangkan akhlak Nabi Muhammad SAW	98		
	4	Menghuraikan iktibar daripada riwayat hidup Nabi Muhammad SAW	98		
	5	Mengamalkan akhlak Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan harian dan berselawat ke atas baginda secara beradab	98		
	6	Menerangkan akhlak Nabi Muhammad SAW	98		
Tahap Penguasaan Pelajaran 24 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					
25 Era Masyarakat Jahiliah	1	Menyatakan maksud jahiliah	100		
	2	Menjelaskan keadaan masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi Muhammad SAW dari segi akidah dan akhlak	100		
	3	- Menjelaskan keadaan masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi Muhammad SAW dari segi akidah dan akhlak - Menerangkan sebab Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada masyarakat jahiliah	100		
	4	Menjelaskan keadaan masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi Muhammad SAW dari segi akidah dan akhlak	101		
	5	Menerangkan sebab Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada masyarakat Arab jahiliah	101		
	6	Menerangkan sebab Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada masyarakat Arab jahiliah	101		
Tahap Penguasaan Pelajaran 25 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					
26 Keunggulan Perjuangan Khulafa Ar-Rasyidin	1	Menyatakan riwayat hidup Khulafa ar-Rasyidin	103		
	3	Menerangkan sifat-sifat mulia Khulafa ar-Rasyidin	103		
	4	Menerangkan sumbangan Khulafa ar-Rasyidin dalam menegakkan dakwah islamiah	104		
	5	Menghuraikan pengajaran daripada perjuangan Khulafa ar-Rasyidin	104		
	6	Menerangkan sifat-sifat mulia dan sumbangan Khulafa ar-Rasyidin	104		
Tahap Penguasaan Pelajaran 26 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					

PELAJARAN	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	DESKRIPTOR		(✓) MENGUASAI	(✕) BELUM MENGUASAI
BIDANG AKHLAK ISLAMIAH					
27 Akhlak Terpuji Hiasan Diri	1	Menyatakan maksud akhlak	108		
	2	- Menyatakan maksud akhlak mahmudah dan contohnya - Menyatakan maksud akhlak mazmumah dan contohnya	108		
	3	Menyatakan maksud akhlak dan dalil naqli berkaitan kelebihan berakhlak mulia	108		
	4	Menerangkan tujuan memelihara akhlak	109		
	5	Menghuraikan implikasi tidak memelihara akhlak dalam kehidupan	109		
	6	Menerangkan tujuan memelihara akhlak	109		
Tahap Penguasaan Pelajaran 27 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					
28 Amanah Tunggak Kesejahteraan	1	Menyatakan maksud amanah	111		
	2	Menyatakan dalil naqli tuntutan bersifat amanah	111		
	3	Menjelaskan kepentingan sifat amanah	111		
	4	- Menerangkan cara-cara mengamalkan sifat amanah terhadap diri, keluarga dan masyarakat - Menghuraikan implikasi tidak amanah terhadap diri, keluarga dan masyarakat	112		
	6	Menjelaskan kepentingan sifat amanah	112		
Tahap Penguasaan Pelajaran 28 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					
29 Ilmu Cahaya Kehidupan	1	Menyatakan kewajipan menuntut ilmu	114		
	2	Menjelaskan adab-adab menuntut ilmu	114		
	3	Menjelaskan kepentingan beradab ketika menuntut ilmu	114		
	4	Menerangkan akibat tidak beradab ketika menuntut ilmu	115		
	5	Menghuraikan kelebihan orang yang berilmu dan menuntut ilmu serta mengamalkan adab ketika menuntut ilmu	115		
	6	- Menjelaskan kepentingan beradab ketika menuntut ilmu - Menerangkan akibat tidak beradab ketika menuntut ilmu	115		
Tahap Penguasaan Pelajaran 29 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					
30 Maruah Diri Cermin Peribadi	1	Menyatakan maksud menjaga maruah diri	117		
	2	Menyatakan maksud dalil naqli kewajipan menjaga maruah diri	117		
	3	Menerangkan cara-cara menjaga maruah diri dari aspek pakaian, percakapan dan tingkah laku	117		
	4	Menerangkan akibat tidak menjaga maruah diri	118		
	5	Menghuraikan hikmah menjaga maruah diri	118		
	6	Menjaga maruah diri dalam semua keadaan secara beradab dan istiqamah	118		
Tahap Penguasaan Pelajaran 30 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					

Bidang Al-Quran



PELAJARAN

1

Mukmin yang Bertakwa

»» Inti Sari Ayat

- Allah SWT menjelaskan bahawa al-Quran tidak ada sebarang keraguan padanya kerana al-Quran merupakan qalam Allah SWT.
- Al-Quran merupakan kitab Allah SWT yang menjadi panduan dan petunjuk kepada orang yang bertakwa.

»» Ciri-ciri Orang yang Bertakwa

- Mendirikan solat.
- Menginfakkan harta.
- Beriman kepada kitab.
- Beriman kepada hari akhirat.
- Beriman kepada perkara ghaib.

PELAJARAN

2

Memohon Kebahagiaan Hakiki

»» Inti Sari Ayat

- Allah SWT menyeru hamba-Nya agar berdoa memohon kebahagiaan dalam urusan dunia dan akhirat.
- Antara contoh kebaikan di dunia yang boleh dipohon semasa berdoa ialah:
 - Kesihatan yang baik.
 - Rumah yang selesa dan luas.
 - Rezeki yang berkat dan melimpah-ruah.
 - Keluarga yang bahagia.
- Di dalam ayat pelajaran ini Allah SWT menyebutkan manusia yang memperoleh kebaikan dunia dan akhirat, adalah mereka yang di dalam doanya selalu berdoa agar mendapat kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat dan di jauhi dari seksaan api neraka.
- Maksud 'kebaikan dunia,' ialah setiap perkara yang kita lakukan akan mendapat pahala yang berpanjangan walaupun kita sudah meninggal dunia.
- Manakala maksud "kebaikan di akhirat" pula ialah dimasukkan ke dalam syurga, mendapat reda Allah SWT serta syafaat daripada rasul-Nya.

PELAJARAN

3

Maha Suci Allah SWT

Inti sari ayat 255 – 257 surah al-Baqarah

- Ilmu Allah SWT meliputi segala makhluk ciptaan-Nya
- Maha suci Allah SWT daripada sifat kekurangan dan kelemahan
- Allah SWT mentadbir alam mengikut kehendak dan kebijaksanaan-Nya
- Kekuasaan Allah SWT tidak memerlukan bantuan sesiapa untuk mentadbir alam yang luas
- Islam bukan agama paksaan

PELAJARAN

4

Allah SWT Penguasa Mutlak

Inti sari ayat 284

- Segala yang ada di langit dan bumi adalah milik Allah SWT
- Allah SWT mengetahui segala amalan zahir dan batin

Inti sari ayat 285

- Semua rasul memiliki akidah tauhid yang sama
- Rasulullah SAW dan orang beriman yakin dengan risalah tauhid yang diturunkan oleh Allah SWT

Inti sari ayat 286

- Setiap perbuatan manusia akan dihisab
- Setiap kebaikan akan diberi pahala dan setiap kejahatan mendapat dosa

PELAJARAN

5

Indahnya Tajwid

»» Makhraj Huruf

- Makhraj huruf ialah tempat keluar huruf hijaiyah yang membezakan antara satu huruf dengan huruf yang lain.
- Kita wajib mempelajari ilmu tentang makhraj huruf supaya dapat membaca al-Quran dengan fasih dan lancar.
- Makhraj huruf dalam al-Quran terbahagi kepada lima, iaitu:
 - Pangkal hidung.
 - Dua bibir.
 - Lidah.
 - Kerongkong.
 - Rongga.

»» Fawatih as-Suwar

- Fawatih as-suwar bermaksud huruf-huruf hijaiyah yang terletak di permulaan sebahagian daripada surah-surah al-Quran.
- Turut dikenali sebagai “huruf al-muqattaah” yang bermaksud potongan huruf.

PELAJARAN

6

Segala Puji Bagi Allah SWT

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan dalam bahasa Arab kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibrail untuk panduan hidup berdasarkan kehendak pencipta, iaitu Allah SWT.

»» Keistimewaan Surah Al-Fatihah

- Surah al-Fatihah merupakan satu-satunya surah yang wajib dibaca oleh setiap Muslim dalam solat.
- Surah al-Fatihah adalah surah yang pertama diturunkan secara lengkap.
- Surah ini dinamakan dengan al-Fatihah kerana surah ini merupakan surah pembuka bagi al-Quran.
- Dinamakan dengan al-Fatihah kerana surah ini juga menjadi pembukaan bacaan dalam solat dan menjadi rukun dalam solat.
- Surah al-Fatihah adalah antara ayat al-Quran yang digunakan sebagai penawar, syifa, ruqyah atau penyembuh segala penyakit.



PELAJARAN

7

Iblis dan Syaitan yang Durjana**»» Cara Menghindari Tipu Daya Syaitan**

- Sering membaca dan menghafaz ayat suci al-Quran.
- Mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- Menunaikan ibadat wajib.
- Berdoa kepada Allah SWT agar dilindungi daripada gangguan syaitan.
- Mempelajari ilmu agama dan mengamalkannya.
- Memperbanyak ibadat sunat.
- Mengamalkan akhlak yang terpuji.

»» Pengajaran Ayat

- Umat Islam hendaklah berusaha menjauhi godaan atau tipu daya syaitan atau iblis.
- Kita disarankan menyejatkan bertaubat apabila melakukan dosa dan kesalahan.

PELAJARAN

8

Sabar Menghadapi Kehidupan Sehari-hari**»» Cara Menghadapi Musibah**

- Bersabar dan tabah serta mengharap pahala daripada Allah.
- Mengharapkan pertolongan Allah.
- Meningkatkan amalan baik sama ada ibadat fardu mahupun sunat.
- Reda dengan musibah yang diberi oleh Allah.
- Sentiasa berdoa kepada Allah.
- Bersangka baik kepada Allah bahawa pasti ada hikmah di sebaliknya.
- Berusaha mengatasi musibah itu dengan cara yang betul.
- Memperbetulkan kesilapan diri.

»» Implikasi Orang yang Tidak Sabar Ketika Menerima Musibah daripada Allah SWT

- Tidak akan mendapat rahmat Allah SWT.
- Mendapat kemurkaan Allah SWT.
- Merugikan diri sendiri.
- Jiwanya tidak tenteram.
- Akan menerima azab di akhirat nanti.

PELAJARAN

9

Makanan Halal Lagi Baik**»» Tuntutan Mengambil Makanan yang Halal Lagi Baik**

- Dapat memelihara akal dan badan daripada kemudaratan dan penyakit.
- Dapat menjana pemikiran yang cerdas, hati yang bersih dan badan yang sihat.

»» Hikmah Memilih Makanan yang Halal

- Menyihatkan tubuh badan dan mencerdaskan fikiran.
- Doa dan amalan yang baik diterima oleh Allah SWT.
- Dapat melakukan ibadat kepada Allah SWT dengan khusyuk.
- Mencerdaskan minda dan mencergaskan fizikal.
- Mudah menerima ilmu pengetahuan.
- Mempengaruhi akhlak dan tingkah laku seseorang.

PELAJARAN

1

Mukmin yang Bertakwa

1.1.1

Baca Ayat dengan Betul dan Bertajwid

PBD Formatif

Buku Teks ms. 2

1. Baca dan hafaz ayat di bawah.

TP 1

SP
1.1.1

الْم ۝ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۝ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ۝ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝

2. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan supaya menjadi ayat yang lengkap mengikut tertib seperti di dalam al-Quran.

SP
1.1.1

Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

TP 2

1	2	3	4	5	6
بَعْدَ إِذْ	هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ	قُلُوبَنَا	الصَّلَاةَ	هُمْ يُوقِنُونَ	لَدُنْكَ

الْم ۝ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ (a) _____ 2 _____ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ (b) _____ 4 _____ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۝ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ (c) _____ 5 _____ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝

(Surah al-Baqarah: 1 – 5)

3. Tuliskan terjemahan bagi potongan ayat di bawah.

TP 2

SP
1.1.1

Potongan ayat	Terjemahan ayat
(a) ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ	Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (datangnya daripada Allah SWT dan tentang kesempurnaannya)
(b) الْم	Alif, Lam, Mim
(c) أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ	Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk daripada Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya



1.1.2

Inti Sari Ayat

PBD Formatif

Buku Teks ms. 3

4. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai inti sari ayat satu hingga lima dari surah al-Baqarah. TP 2 TP 3 TP 4

SP
1.1.2

Bil.	Pernyataan	✓	X
(a)	Al-Quran merupakan sebuah kitab yang tidak ada sebarang syak padanya.	✓	
(b)	Al-Quran merupakan kitab yang menjadi panduan bagi orang yang bertakwa.	✓	
(c)	Orang yang bertakwa ialah orang yang beriman kepada perkara ghaib.	✓	
(d)	Orang yang bertakwa sentiasa menyimpan harta di dalam bank.		X
(e)	Orang yang bertakwa adalah tergolong dalam kalangan orang yang berjaya.	✓	

1.1.3

Hafaz Ayat dengan Betul dan Bertajwid

PBD Formatif

Buku Teks ms. 2

5. Isi tempat kosong dengan kalimah yang betul. TP 5

SP
1.1.3KBAT
Menganalisis

(a) وَأَلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ (b) قَبْلِكَ (c) وَيَا آخِرَةَ هُمْ (d) يُوقِنُونَ
 (e) أُولَئِكَ عَلَى هُدًى (f) مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (g)

(Surah al-Baqarah: 4 – 5)

6. Lakukan aktiviti di bawah. TP 6

KBAT
Mencipta

Aktiviti PAK-21

Persembahan (Power Point)

- (a) Murid duduk di dalam kumpulan.
 (b) Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang ciri-ciri orang bertakwa.
 (c) Murid berbincang di dalam kumpulan masing-masing tentang ciri-ciri orang bertakwa.
 (d) Murid membentangkan tugas di hadapan kelas.

VIDEO



4 sifat orang bertakwa

KUIZ
GAMIFIKASI

Pelajaran 1

Tahap Penguasaan Pelajaran 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

BAHAGIAN A

1. _____ sering dijadikan petunjuk kepada

Buku Teks
ms. 2

orang yang bertakwa.

- A Zikir
B Hadis

- C Buku
D Al-Quran

Aras R Mengingat

2. Orang yang bertakwa akan beriman kepada hari

Buku Teks
ms. 3

- A raya
B puasa

- C Jumaat
D akhirat

Aras R Mengingat

1. (a) Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan supaya menjadi ayat yang lengkap mengikut tertib seperti di dalam al-Quran.

Buku Teks
ms. 2

Anda dikehendaki menulis nombor jawapan sahaja.

حَسَنَةً 1

أُولَئِكَ 2

بِالْغَيْبِ 3

الْكِتَابِ 4

قَبْلِكَ 5

لِلْمُتَّقِينَ 6

الْمُفْلِحُونَ 7

رَزَقْنَاهُمْ 8

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ (i) _____ 3 وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا _____ 8 وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ

إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ (iii) _____ 5 وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ

(Surah al-Baqarah: 3 – 4)

Aras S Memahami [3 markah]

(b) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertibnya seperti di dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor potongan ayat sahaja.

Buku Teks
ms. 2

دَلِيلَ الْكِتَابِ لَا رَيْبَ فِيهِ	1
الْم	2
هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ	3

(Surah al-Baqarah: 1 – 2)

Jawapan:

(i) _____ 2 (ii) _____ 1 (iii) _____ 3

Aras R Mengingat [3 markah]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dengan menggunakan tulisan Jawi.

Mukmin bertakwa sentiasa melakukan perkara yang diredai Allah SWT dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Segala usaha yang baik tidak akan sia-sia.

مؤمن، دريضا، اخلاص، اوسها

Aras S Mengaplikasi [4 markah]

PELAJARAN

5

Indahnya Tajwid

1.5.1

Makhraj Huruf Hijaiyah

PBD Formatif

Buku Teks ms. 17

1. Senaraikan makhraj huruf hijaiyah dengan betul.

TP 1

SP
1.5.1

(a) Dua bibir

(b) Lidah

(c) Rongga

Makhraj huruf

(d) Kerongkong

(e) Pangkal hidung

1.5.2

Hukum Membaca Istiazah dan Basmalah

PBD Formatif

Buku Teks ms. 20

2. Lengkapkan jadual berikut dengan jawapan yang betul.

TP 2

SP
1.5.2

KBAT
Menganalisis

Aspek	Istiazah	Basmalah
(a) Lafaz	(i) أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ	(ii) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
(b) Maksud	(i) Aku memohon perlindungan Allah daripada syaitan yang direjam	(ii) Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani
(c) Hukum	(i) Sunat membaca istiazah ketika memulakan atau di pertengahan ayat	(ii) Sunat membaca basmalah ketika memulakan ayat (iii) Haram membaca basmalah dalam surah at-Taubah



1.5.3

Hukum Alif Lam Syamsiah dan Alif Lam Qamariah

PBD Formatif

Buku Teks ms. 21

3. Senaraikan kalimah alif lam syamsiah dan alif lam qamariah daripada ayat berikut.

TP 2

SP
1.5.3

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾ لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾ اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥٧﴾

Alif lam syamsiah	Alif lam qamariah
(a) السَّمَوَاتِ	(a) الْحَيُّ
(b) الظُّلُمَاتِ	(b) الْقَيُّومُ

1.5.4

Hukum Wajibul Ghunnah dan Fawatih As-Suwar

PBD Formatif

Buku Teks ms. 22 – 23

4. Nyatakan cara bacaan bagi hukum wajibul ghunnah.

TP 2

SP
1.5.4

Menekankan suara pada huruf “mim bersabdu” dan “nun bersabdu” disertai dengan dengung sekadar dua harakat.

5. Jelaskan cara bacaan fawatih as-suwar yang berikut.

TP 2

SP
1.5.4

	Huruf	Cara bacaan	Harakat
(a)	ح ، ي ، ط ، ه ، ر	Dibaca panjang dua harakat	Dua harakat
(b)	ن ، ق ، ص ، ع ، س ، ل ، ك ، م	Dibaca panjang enam harakat	Enam harakat

6. Lakukan aktiviti di bawah.

TP 6

KBAT
Menilai

Aktiviti PAK-21

Nota Tampalan

- Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- Setiap kumpulan diberikan sampul yang mengandungi ayat 255 hingga 257 surah al-Baqarah.
- Setiap kumpulan diminta mengklasifikasikan perkataan yang mengandungi alif lam syamsiah dan alif lam qamariah dengan menampal pada atas kertas sebak.

KUIZ
GAMIFIKASI

Pelajaran 5

BAHAGIAN A

1. Apakah hukum membaca al-Quran dengan bertajwid?

Buku Teks ms. 17

- A Sunat
B Wajib

- C Harus
 D Afdal

Aras R Mengingat

2. Apakah tujuan mempelajari ilmu tajwid?

Buku Teks ms. 17

- A Untuk menguji kecintaan kepada al-Quran
 B Untuk menghayati maksud ayat al-Quran
C Untuk membetulkan bacaan al-Quran
 D Untuk menguji bacaan secara taranum

Aras R Memahami

1. Firman Allah SWT:

Buku Teks ms. 21 – 22

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾
 وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيَاطِينِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾ اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾

(Surah al-Baqarah: 13 – 15)

Berdasarkan ayat di atas, tuliskan contoh kalimat bagi hukum tajwid yang berikut:

Bil.	Hukum	Contoh
(a)	Alif Lam Syamsiah	النَّاسُ
(b)	Nun bertasydid	إِنَّهُمْ

Aras R Mengingat [2 markah]

2. Senaraikan contoh huruf hijaiyah pada makhraj-makhraj yang berikut.

Buku Teks ms. 18 – 19

(a) Rongga:

ا، و، ي

(b) Kerongkong:

ه، ء، خ، ح، ع، غ

(c) Lidah:

ص، ي، س، ش، ك، ق

(d) Dua bibir:

ب، و، م، ف

(e) Pangkal hidung:

م (ghunnah), ن (ghunnah)

Aras R Memahami [5 markah]

3. Nyatakan **tiga** contoh kalimat yang mengandungi hukum wajibul ghunnah.

Buku Teks ms. 22

(a)

إِنَّهُمْ

(b)

ءَامَنَّا

(c)

مِمَّا

Aras S Mengingat [3 markah]

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Mukmin yang _____ akan sentiasa menunaikan solat.

A beriman C berubah
B berjaga D bertakwa

2. Antara berikut, yang manakah tidak tergolong dalam makhraj huruf?

A Lidah C Gigi
B Rongga D Kerongkong

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

3. Apakah hukum membaca Basmalah pada permulaan surah al-Fatihah ketika dalam solat?

A Sunat C Wajib
B Harus D Makruh

• Bersih.
• Seimbang.

4. Pernyataan di atas merujuk ciri makanan yang _____.

A baik C haram
B buruk D mudarat

• Makna dan lafaz daripada Allah SWT.
• Sahih tanpa keraguan.

5. Pernyataan di atas merujuk ciri kandungan _____.

A kitab C hadis qudsi
B al-Quran D hadis nabawi

6. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri Islam sebagai agama fitrah?

I Agama yang sesuai diamalkan pada semua tempat
II Agama yang boleh diamalkan oleh semua bangsa dan budaya
III Agama yang sukar difahami oleh bangsa asing

- IV Agama yang mengandungi undang-undang dan peraturan yang ketat

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

7. Berikut merupakan kepentingan akidah dalam kehidupan seorang Muslim kecuali

A syarat amalan diterima Allah SWT
B penentu kebahagiaan di dunia dan akhirat
C membentuk jati diri sebagai Muslim
D melemahkan iman seseorang Muslim

...يَقُومُوا أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ...

(Surah al-A'raf: 59)

8. Dalil di atas menunjukkan umat Islam wajib beriman kepada _____.

A rasul C Allah SWT
B kitab D qadak dan qadar

9. Antara berikut, yang manakah bukan terdiri daripada 20 sifat Allah SWT?

A Wujud C Baqaq
B Qidam D Hafiz

• Air hujan • Air embun
• Air sungai • Air perigi

10. Perkara di atas merujuk contoh air _____.

A suci C mutlak
B bersih D mata air

11. Najis _____ ialah najis air kencing kanak-kanak lelaki berumur kurang daripada dua tahun dan masih minum susu ibunya.

A mukhaffafah C mughallazah
B mutawassitah D pertengahan

12. Apakah hukum mengambil wuduk ketika berhadass kecil?

A Sunat C Makruh
B Wajib D Harus



13. Berikut merupakan kepentingan beristinjak kecuali

- A mendapat pahala
- B badan menjadi sihat
- ☒ C mudah mendapat penyakit
- D memberi keselesaan kepada orang lain

14. Antara berikut, yang manakah merupakan rukun wuduk?

- I Membaca niat
 - II Berdiri tegak
 - III Menghadap ke arah kiblat
 - IV Membasuh muka
- A I dan II C II dan III
☒ B I dan IV D III dan IV

- Nifas
- Wiladah

15. Pernyataan di atas merujuk perkara yang mewajibkan bagi _____ untuk mandi wajib.

- A lelaki
- ☒ B perempuan
- C orang tua
- D lelaki dan perempuan

16. Bercakap dengan sengaja walaupun sedikit adalah perkara yang boleh _____ solat.

- A merosakkan
- ☒ B membatalkan
- C membisingkan
- D melancarkan

17. Berikut merupakan sifat peribadi Sayidina Abu Bakar al-Siddiq kecuali

- A berani
- B pemurah
- ☒ C kedekut
- D lembut hati

18. Rasulullah SAW telah berkahwin dengan Siti Khadijah r.a. ketika baginda berusia _____ tahun.

- A 10
- ☒ B 25
- C 42
- D 55

19. Berikut merupakan kepentingan bersifat amanah kecuali

- A disenangi orang sekeliling
- B tanda orang beriman
- C mudah melintasi titian sirat
- ☒ D kehidupan akan menjadi sukar dan sulit

20. Antara berikut, yang manakah merupakan kepentingan beradab ketika menuntut ilmu?

- ☒ A Ilmu yang dipelajari akan berkat
- B Ilmu yang diperoleh akan hilang
- C Tidak akan disenangi orang sekeliling
- D Mudah mendapat tempat pertama di dalam kelas

Bahagian B

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاغِبُونَ ﴿١٥٦﴾

(Surah al-Baqarah: 155-156)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT akan menguji hamba-Nya dengan pelbagai cara.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul mengenai contoh musibah kepada manusia dan (X) pada pernyataan yang salah.

No.	Pernyataan	(✓) atau (X)
(i)	Perasaan takut.	✓
(ii)	Kehilangan harta benda.	✓
(iii)	Jiran yang baik.	X
(iv)	Kematian orang yang disayangi.	✓

[4 markah]

- (b) Jelaskan **satu** cara yang boleh dilakukan ketika ditimpa musibah.

Sentiasa tabah dan sabar serta mengharapkan pahala dari Allah SWT.

[2 markah]

Bersabar dengan ujian daripada Allah SWT akan meningkatkan darjat seseorang di sisi-Nya.

- (c) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan cara anda menghadapi dugaan kehidupan.

Saya akan bersabar dan tabah dengan ujian yang diberikan oleh Allah SWT. Seterusnya saya akan perbanyakkan berdoa supaya Allah memberikan pahala pada setiap kesabaran saya. Kesannya, hidup saya akan sentiasa diberkati Allah SWT.


[4 markah]

2. (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ ﷺ أَيَّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ؟ قَالَ: الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا. قَالَ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: بِرُّ الْوَالِدَيْنِ. قَالَ: ثُمَّ أَيُّ؟ قَالَ: الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.
(Muttafaq Alaih)

Hadis di atas menjelaskan jihad dalam Islam.

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]

- (b) Terangkan **dua** pengajaran yang diperoleh daripada hadis di atas.

- (i) Kita hendaklah melakukan perkara yang disukai Allah SWT untuk menjadi umat yang cemerlang di dunia dan di akhirat.
- (ii) Kita hendaklah mempertahankan negara daripada anasir jahat supaya negara sentiasa aman dan damai.

[4 markah]

- (c) Tuliskan semula perkataan di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

- | | |
|-------------------|--------------------|
| (i) Ekonomi | (iii) Bersenjata |
| (ii) Kegemilangan | (iv) Pemberontakan |

(i) ايكونومي

(iii) برسنجات

(ii) كغميلغن

(iv) قمبرونتقن

[4 markah]



Bahagian C

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

3. (a) Tuliskan (Benar) pada pernyataan yang berkaitan dengan akidah yang benar dan (Salah) pada pernyataan yang berkaitan dengan akidah yang salah.

(i) Mentauhidkan Allah SWT.

Benar

(ii) Mensyirikkan Allah SWT.

Salah

(iii) Menafikan keesaan dan kekuasaan Allah SWT.

Salah

(iv) Mengamalkan kepercayaan kepada al-Quran dan al-sunah.

Benar

[4 markah]

- (b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Islam merupakan agama yang (lengkap / ringkas) dan memenuhi semua keperluan manusia.

(ii) Manusia yang mengenali Allah SWT akan sentiasa memohon kepada (Allah SWT / manusia).

(iii) Al-Jabbar bermaksud yang Maha (Penguasa / Kaya).

(iv) Melalui (penyelidikan / pembuatan), manusia mampu mengolah ciptaan Allah SWT.

[4 markah]

- (c) Nyatakan maksud Al-Khaliq.

Al-Khaliq ialah Allah SWT Maha Mencipta makhluk daripada tiada kepada ada mengikut kehendak-Nya seperti yang telah ditakdirkan-Nya dengan sempurna.

[2 markah]

Menjaga akidah agar sentiasa berada di jalan yang lurus akan menjadikan hidup bahagia dan aman.

- (d) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan cara anda menjaga akidah supaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.

Saya akan menjaga akidah saya dengan memastikan segala tindak tanduk dan percakapan saya tidak bertentangan dengan akidah Islam. Hal ini kerana apabila seseorang tidak menjaga akidahnya maka Allah SWT tidak akan memberkati lagi hidupnya sekali gus menjadikannya tidak bahagia di dunia dan di akhirat. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menjaga tutur kata dan perbuatan agar tidak membawa kepada perkara yang memesongkan akidah.

[4 markah]

- (e) Nyatakan **dua** ciri orang yang beriman.

• Mengesakan Allah SWT dalam ibadat.

• Takut kepada Allah SWT.

[2 markah]

Orang yang beriman kepada Allah SWT akan sentiasa bertawakal kepada-Nya.

- (f) Ramalkan perkara yang akan terjadi sekiranya manusia hidup dalam keadaan berputus asa kepada Allah SWT.

Manusia yang hidup dalam keadaan berputus asa kepada rahmat Allah SWT akan menjadi tidak bahagia dalam kehidupannya. Hal ini kerana mereka akan berasa tidak mempunyai harapan untuk bertawakal atau meneruskan hidup. Kesannya, mereka akan hilang keberkatan hidup sekali gus mampu hilang pedoman hidup jika masalah tersebut berlarutan.

[4 markah]

Bahagian D

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

4. (a) Nyatakan **dua** contoh ibadat khusus.

(i) **Solat**

(ii) **Puasa**

[2 markah]

- (b) Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

sunat	masuk	makruh	wajib	debu tanah
-------	-------	--------	-------	------------

(i) Hukum berpuasa sunat pada hari Isnin ialah **sunat**.

(ii) Alat yang boleh digunakan untuk bersuci daripada hadas ialah air dan **debu tanah**.

(iii) Beristinja adalah **wajib**.

(iv) Menggunakan air secara berlebihan ketika berwuduk adalah **makruh**.

[4 markah]

Solat merupakan ibadat wajib pertama yang akan disoal selepas kematian kelak. Namun, masih ramai umat Islam yang tidak menunaikannya.

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah situasi di atas berlaku? Huraikan.

Pada pendapat saya, masih terdapat umat Islam yang tidak menunaikan solat kerana tidak mempunyai pegangan iman yang kuat di dalam diri. Hal ini menyebabkan mereka tidak berasa takut akan balasan yang akan menimpanya setelah mati. Kesannya, hidup mereka menjadi seronok dengan tidak terbeban untuk menunaikan solat. Kesimpulannya, iman yang lemah akan menjadikan seseorang itu tidak percaya akan balasan Allah SWT di akhirat kelak.

[4 markah]



(d) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai istinja.

No.	Pernyataan	(✓) atau (X)
(i)	Air mutlak boleh digunakan untuk beristinja.	✓
(ii)	Istinja boleh menggunakan roti jika darurat.	X
(iii)	Beristinja boleh mengelakkan seseorang daripada terkena penyakit.	✓
(iv)	Kita hendaklah melangkah dengan kaki kanan dahulu ketika masuk ke tandas.	X

[4 markah]

(e) Nyatakan maksud wuduk dari segi istilah.

Wuduk dari segi istilah ialah membasuh anggota tertentu berserta niat.

[2 markah]

(f) Terangkan **dua** hikmah mandi wajib.

(i) Dapat mengembalikan kesegaran badan.

(ii) Menghilangkan bau badan dan darah.


[4 markah]

Bahagian E

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

5. (a) Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

(b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Kepercayaan (Yahudi / Animisme) ialah kepercayaan bahawa setiap benda mempunyai roh dan semangat.
- (ii) Masyarakat jahiliah dahulu mengamalkan perbuatan membunuh anak (lelaki / perempuan).
- (iii) Khalifah (Abu Bakar al-Siddiq / Umar al-Khattab) telah memerdekakan salah seorang hamba, iaitu Bilal bin Rabah.

[3 markah]

Sayidina Uthman bin Affan r.a. seorang yang sangat suka membantu orang yang dalam kesusahan terutama kepada sanak saudara terdekat.

- (c) Sebagai seorang murid, apakah yang boleh anda contohi daripada keunggulan tokoh di atas?

Sebagai seorang murid, saya akan mencontohi sifat Sayidina Uthman dengan mengamalkan sikap suka membantu orang di sekeliling saya dalam apa-apa jua. Sebagai contoh, saya akan membantu rakan saya yang mengalami kekurangan dalam pelajaran dengan mengulang kaji bersama-sama. Kesimpulannya, kita hendaklah mencontohi keperibadian para sahabat terdahulu kerana mereka telah meninggalkan contoh tauladan yang sangat baik buat kita.

[4 markah]

- (d) Nyatakan maksud akhlak mahmudah.

Sifat dan tingkah laku terpuji yang terdapat pada diri seseorang yang bertakwa dengan nilai dan perakuan syarak.

[2 markah]

- (e) Terangkan **dua** adab menuntut ilmu.

(i) Memuliakan dan menghormati guru.

(ii) Tidak malu bertanya.

[4 markah]

Salah satu ciri orang munafik adalah tidak amanah.

- (f) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda menjaga amanah yang telah diberikan sebagai seorang pengawas sekolah? Huraikan.

Saya akan menjalankan tanggungjawab saya sebagai seorang pengawas dengan sebaik mungkin, iaitu sentiasa jujur dan telus dalam menjalankan amanah. Hal ini boleh dilihat jika terdapat rakan baik saya yang melanggar peraturan sekolah, saya tetap akan mengenakan denda terhadapnya atau mengadu kepada guru tentang sikapnya. Kesimpulannya, kita hendaklah menjalankan amanah dengan jujur supaya hidup akan diberkati Allah SWT.

[4 markah]